

10/03/2000

Piala Perdana 2000 muncul kembali

Haryani Ngah

SETELAH tiga tahun terhenti, kejohanan sukan berkuda Piala Perdana siri 2000 muncul kembali dengan menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM60,000.

Kejohanan sempena hari lahir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu terbahagi kepada dua bahagian - Cabaran Piala Perdana dari 6 hingga 9 April dan Piala Perdana Akhir selama empat hari bermula 26 Oktober.

Lebih 200 peserta, termasuk dua personaliti Persekutuan Equestrian Antarabangsa (FEI), iaitu pereka gelanggang, Graeme Watts dan pengadil dressage, Irene Barkerls-Noreen, akan turut terbabit dalam kejohanan kali ini di Polo Pavilion Grand Stand, Bukit Kiara Equestrian dan Country Resort.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Abdul Razak Latif, berkata buat pertama kalinya di Asia Tenggara, sukan seumpama itu menawarkan hadiah bonus lumayan.

Pemenang terbaik acara showjumping akan menerima hadiah bonus berjumlah RM20,000 dan RM5,000 pula untuk acara dressage.

Sebanyak 50 acara yang terbahagi kepada gymkhana, showjumping dan dressage akan dipertandingkan.

Untuk acara showjumping, pengadilan adalah berdasarkan keupayaan penunggang dan kuda dalam melakukan lompatan.

Abdul Razak berkata setakat ini pihak penganjur sudah menghantar borang penyertaan kepada 28 kelab equestrian di seluruh negara.

Penganjur turut menyediakan laman web bagi kemudahan peserta dan orang ramai mendapatkan maklumat terkini menerusi alamat www.equestrian.com.my/premier-cup.

"Kejohanan ini diperakui oleh FEI dan kami cuba untuk mengetengahkannya di peringkat antarabangsa," katanya dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam.

(END)